

ALMARHUM TUAN GURU NIK AZIZ: BERDAKWAH MELALUI PANTUN

Norhasliza Binti Ramli
Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan
Pusat Pengajian Teras
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
norhasliza@kuis.edu.my

ABSTRAK

Almarhum Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat (TGNA) ialah seorang ahli politik dan ulama serta pendakwah terkenal di Malaysia dan seluruh dunia Islam semasa hayatnya. Legasi almarhum TGNA yang masih boleh kita tatap dan renungi bersama ialah satu daripada ratusan teks ucapan yang dikarang oleh beliau. Untuk itu, penulisan ini akan membicarakan tentang mesej dakwah yang dititip oleh Almarhum TGNA melalui bingkisan pantun yang diperdengarkan dalam satu majlis perasmian. Hasil daripada penelitian terhadap nukilan pantun Almarhum, penulis mendapati bahawa bingkisan pantun Almarhum jelas mengajak masyarakat agar melakukan kebaikan di samping memberi peringatan supaya tidak melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah SWT. Lantaran itulah, penulis nobatkan Almarhum sebagai ikon dakwah sepanjang zaman dan dai'e tulen kerana pada bila-bila ketika dan pada suasana apa-apa juga pun, Almarhum tetap tidak lupa mengingat dan mengajak masyarakat ke jalan yang benar dan diredhai Allah SWT dan menjauhi larangan-laranganNya.

Kata kunci: Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat; ikon, dakwah.

Pengenalan



Umum mengetahui bahawa aktiviti berpantun bagi masyarakat Melayu merupakan lumrah dalam kehidupan masyarakat dahulu kala. Keindahan karangan pantun secara spontan oleh masyarakat Melayu dahulu sukar ditandingi oleh generasi sekarang. Pantun Melayu sangat unik dan sarjana Barat yang pernah mengkaji pantun orang Melayu lama mengakui akan kehebatan bahasa dalam pantun orang Melayu dan menjadi bukti ketinggian ilmu dan pemikiran bangsa Melayu pada zaman lampau walaupun mereka tidak berpendidikan tinggi seperti generasi sekarang ini.

Oleh itu, penulisan kertas kerja ini akan membincangkan tentang ikon dakwah tersohor yang bukan sahaja lantang memperjuangkan Islam melalui lidahnya malahan menerusi mata pena Almarhum TGNA . Almarhum TGNA sangat suka akan pantun. Oleh itu, ketika majlis perasmian Konsert Nasyid Antara Dunia pada 10 Syaaban 1430 bersamaan 1 Ogos 2009 (Sabtu), jam 8.00 malam bertempat di Stadium Melawati, Shah Alam, almarhum telah menitipkan nasihat-nasihat dan peringatan berguna kepada audiens di stadium tersebut melalui seberkas himpunan pantun yang penuh dengan kiasan. Walaupun pada ketika itu, audiens bakal didendangkan dengan hiburan, tetapi Almarhum masih menjalankan tugasnya sebagai pemimpin untuk mengingatkan masyarakat supaya tidak lalai dalam menunaikan amanah Allah di muka bumi ini melalui bait-bait pantun. Pantun Almarhum mencakupi pelbagai tema yang sarat dengan maksud tersurat dan tersiratnya. Walaupun dalam majlis rasmi tetapi santai, Almarhum masih menjalankan tugasnya sebagai da'ie. Itulah kelebihan sosok istimewa ikon da'ie yang ingin diketengahkan oleh penulis. Untuk itu, ada baiknya, penulis perkenalkan serba sedikit latar belakang tokoh yang amat disegani dalam dunia Islam ini.

Ringkasan Biodata Almarhum Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat (TGNA)

Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat (TGNA) dilahirkan dalam keturunan alim ulama diraja Jembal pada hari Sabtu 10 Januari 1931 di Kampung Pulau Melaka, Kota Bharu. TGNA merupakan anak kedua daripada sembilan orang adik-beradik. Almarhum TGNA mendirikan rumahtangga dalam tahun 1962, iaitu ketika usianya menginjak 31 tahun dengan Tuan Sabariah binti Tuan Ishak bin Raja Awang yang pada ketika itu baru berumur 14 tahun. Datin Tuan Sabariah berasal dari Kampung Kemumin, Kota Bharu. Hasil perkongsian hidup selama 53 tahun itu telah dikurniakan 10 orang cahaya mata, lima lelaki dan lima perempuan, iaitu Nik Aini, Nik Umar, Nik Adli, Nik Abdul Rahim, Nik Abduh, Nik Adilah, Nik Muhammad Asri, Nik Amani, Nik Amalina, dan Nik Asma' Salsabila.

Almarhum TGNA mendapat pendidikan awal dari Almarhum ayahandanya serta belajar menulis daripada ibunya Hajah Aminah Majid. Ayahandanya telah menghantar TGNA berguru dengan Tuan Guru Haji Abas Mohamad di pondok Madrasah Ittifaqiyah, Jerneh, Besut, Terengganu pada usianya 9 tahun. Dalam usia yang agak muda itu, TGNA dapat menguasai kitab Asmuni (sebuah kitab nahu yang agak tinggi) setanding dengan murid-murid yang lebih tua. Kemudian, TGNA menyambung pelajarannya di Jamek Merbawi Al-Ismaili, Kota Bharu dari tahun 1945 hingga 1952. Selepas itu, TGNA meninggalkan tanahair untuk melanjutkan pendidikannya ke Universiti Deoband, India. Di sana, TGNA berguru dengan ahli tarekat terkemuka, Maulana Husain Ahmad al-Madani. Lima tahun kemudian, TGNA melanjutkan pelajaran ke Lahore, Pakistan dalam bidang Tafsir Al-Quran. Pada tahun 1958, TGNA melanjutkan pengajiannya pada peringkat ijazah sarjana muda dalam jurusan pengajian Bahasa Arab di Kuliyyatul Lughah di Al-Azhar, Mesir seterusnya menyambung pengajian sehingga mendapat ijazah sarjana (M.A) dalam jurusan kehakiman dan perundangan Islam selama 2 tahun. Setelah itu, TGNA mendapat diploma pendidikan di Darul Azhar dan setelah lebih sepuluh tahun belajar di luar negara, TGNA memutuskan untuk kembali ke tanah kelahirannya pada Februari 1962. Tentu sahaja TGNA mahu mengamalkan ilmu pengetahuan yang dimilikinya dengan berkhidmat sebagai guru di Sekolah Menengah Agama Tarbiyah Mardiah, Panchor dan Raja Jembal seterusnya di Sekolah Agama Darul Anuar yang didirikan oleh ayahandanya. TGNA dilantik sebagai Menteri Besar (MB) Kelantan yang ketujuh dari tahun 1990 sehingga 2013, iaitu

selama 23 tahun dan memperkenalkan dasar pemerintahan negeri yang unik di bawah PARTI ISLAM SE-MALAYSIA (PAS), iaitu dengan slogan MEMBANGUN BERSAMA ISLAM. TGNA sangat disegani oleh kawan mahupun lawan tidak kira bangsa mahupun agama. Oleh yang demikian, Almarhum TGNA mencatat sejarah unik dan tersendiri di Malaysia sebagai MB, pemimpin Parti PAS dan tokoh pertama dalam kalangan ulama yang dilantik sebagai peneraju kerajaan negeri (ulama dan umara' dalam satu-satu masa). TGNA akhirnya menemui Pencipta Yang Maha Agung pada tanggal 12 Februari 2015 akibat kanser prostat dan sesungguhnya berita pemergian Almarhum amat dirasai oleh semua pihak.

Walaupun Almarhum sudah pergi lebih daripada 4 tahun, idea dan kerangka pemikirannya, kepimpinannya, ketokohnya masih-masih disebut orang dan untuk mencari galang-ganti seperti Almarhum amat payah ditemukan. Mungkin ada, tetapi tidak serupa dengan cara dan gaya Almarhum memerintah dahulu. Yang menarik tentang watak dan perwatakan Almarhum semasa menyampaikan dakwah ketika berpolitik mahupun dalam keadaan biasa-biasa masih dilatari dengan sopan-santun, lemah-lembut dan penuh hikmah.

Ramai yang berpandangan bahawa Almarhum TGNA ialah model sempurna yang memikul mesej Islam dengan damai, telus dan mesra. Tambahan pula TGNA mudah didekati lantaran sikapnya yang sangat bertoleransi tanpa mengira ras dan agama, namun tokoh ini tidak sama sekali berkompromi sekiranya perjuangannya bercanggah dengan asas perjuangannya menegakkan Islam (Abdul Shukur Haron: 2009).

Menurut keterangan daripada setiausaha politik Almarhum TGNA pada satu ketika dahulu, iaitu Annual Bakri Haron, beliau mengatakan bahawa jarang orang tahu yang Almarhum TGNA ialah seorang penggemar pantun Melayu yang serius. Pada Almarhum, pantun lebih akrab dan lebih berakar dengan jati diri orang Melayu, khususnya pantun Melayu lama bertaraf klasik. Hal ini memberi gambaran bahawa jiwa Almarhum TGNA adalah lembut. Annual Bakri Haron menambah bahawa pada pandangannya Almarhum TGNA seorang yang romantik, *sentimental, softhearted and pathetic*. Terpupuk dengan baik dengan asuhan ayah bonda menjadikan Almarhum TGNA lebih mesra dengan pantun; melebihi genre lain. Jika perlu berlapik, TGNA lekas-lekas memberitahu beliau agar beliau menyelitkan pantun Melayu sebagai sirih hantaran dalam seni komunikasinya. Dan setiap patah diteliti dan dipantau dengan cukup cermat oleh TGNA sendiri selaku pembentang. TGNA menggunakan kekuatan pantun untuk mencuri perhatian khalayak semasa melontarkan mesej. Di luar dugaan, ucapan beliau spontan disambut dengan tepukan gemuruh. Ada antara rangkap pantunnya yang membina simpati, meruntuhkan kubu keangkuhan, dan menghiris hati. Mesej yang sarat yang didokong oleh Almarhum TGNA terpancar melalui pantunnya itu. Bagi sesiapa yang mengikuti perjalanan dunia politik semasa di Malaysia, pasti memahami mesej yang cuba disampaikan. Oleh itu, mari kita sama-sama ikuti bait-bait pantun yang kaya dengan pelbagai tema, yang diperdengarkan dalam konsert Nasyid Antara Dunia yang berlangsung di Shah Alam, Selangor.

Analisis Pantun Almarhum Tuan Guru Nik Aziz

Umum mengetahui rima umum sesebuah pantun empat kerat ialah a,b, a, b. Sesebuah pantun empat kerat akan mengandungi pembayang pada baris pertama dan kedua serta mengandungi maksud pada baris ketiga dan keempat. Penulis dapati keseluruhan teks ucapan Almarhum TGNA diadun dalam bentuk pantun (kecuali pada tiga perenggan mukaddimah dan dua perenggan akhir teks). Pantun Almarhum mengandungi pelbagai tema seperti pantun jenaka, pantun budi, pantun

kasih-sayang, pantun sindiran, pantun nasihat, pantun agama, pantun adat, dan pantun kiasan. Untuk pantun kiasan, TGNA memanfaatkan pantun kiasan asal dan pantun kiasan terus.

Pantun yang bertemakan jenaka tentu sahaja amat menggelikan dan menghiburkan para pendengarnya. Walaupun isunya berat, tetapi jika disampaikan dalam keadaan yang santai dan bersahaja, kesannya kepada audiens yang mendengar amat ketara. Bait-bait pantun jenaka itu adalah seperti berikut:

Kalau berladang kurang tekun
Lesap padi ditelan belukar
Kalaulah hilang tukang pantun
Senyap sunyi bandar yang besar.

Ujung rusuk patah tulang
Kena tindih kayu rasak
Kalau sungguh rindukan bulan
Tunggu dulu lepas Isyak

Begitulah garapan pantun TGNA yang melucukan tetapi penuh dengan mesej tersendiri. Almarhum TGNA turut menyelitkan garapan pantun bertemakan budi. Hal ini jelas disebut secara langsung dalam maksud pantun pada baris keempat.

Kapal belayar dari Arakan
Selit besi jadi kemudi
Mati ikan kerana umpan
Mati “ambo” kerana budi.

Menariknya, istilah ‘ambo’ digunakan, khusus mempamerkan Almarhum memang anak jati negeri Cik Siti Wan Kembang. Pasti lantunan pantun dengan menggunakan istilah itu menerima tepukan yang meriah daripada audiens.

Selain itu, turut diselitkan juga pantun bertemakan kasih sayang. Dalam pantun kasih sayang ini, penulis dapati masih terselit unsur jenaka yang menghiburkan dan pasti mencuit hati pasangan suami dan isteri yang hadir ketika itu. Perkara ini tidak dapat dielakkan dalam penghasilan sesebuah pantun. Menurut Hj. Mohd. Rashid Hj. Md. Idris (2012) tema bagi sesuatu pantun bukanlah tetap kerana setiap pantun boleh memasuki beberapa tema sekaligus. Namun begitu, pembahagian mengikut tema adalah paling sesuai, logik dan rasional kerana sekurang-kurangnya kita dapat mengenali pemantun dengan lebih dekat lagi. Di samping itu, kita boleh mengenal adat dan undang-undangnya, kepercayaan dan agamanya, nasihat dan pendidikannya, budi bahasanya, serta dapat melihat cara kasih sayang mereka. Inilah yang dilakukan oleh Almarhum TGNA menerusi pantun bikinannya. Lihat bait-bait pantun ini:

Tuan Puteri ke Tanjung Keling
Bilah mengkuang dianyam tenang
Biar isteri benci menjeling
Tetaplah abang terkenal-kenang.

Naik bertamu di Pulau Tawar
Singgah menjala di Kg. Bantal
Pahit jeling jadi penawar
Abang simpan di bawah bantal.

Penulis simpulkan di sini, rangkuman pantun bertemakan kasih-sayang ini dilihat sebagai satu dakwah kepada masyarakat kerana pembentukan institusi keluarga yang bahagia dan ceria akan melahirkan ketenteraman dalam jiwa kepada seluruh ummah. Isteri dan suami mestilah saling kasih-mengasahi walau dalam apa-apa jua keadaan. Pesanan Almarhum walaupun secara berjenaka memang kena pada tempatnya, kerana pada hari ini institusi keluarga kian goyah dan rapuh lalu berantakan kerana tidak disulami dengan kasih-sayang dan keimanan yang kental pada Allah SWT. Tolak-ansur antara suami dan isteri sangat penting dan sebagai ketua keluarga suami wajib bersabar dengan pelbagai karenah isteri walaupun adakalanya memenatkan. Begitu juga sebaliknya. Masyarakat yang sejahtera adalah bermula daripada institusi keluarga yang kukuh dan bahagia berpaksikan keimanan yang padu kepada Allah SWT. Didikan Almarhum secara berjenaka melalui pantun amat kena pada tempatnya.

Di samping itu, hantaran sirih pantun Almarhum TGNA dilihat oleh penulis bertemakan sindiran. Umum mengetahui, orang dahulu kala memang menggunakan medium pantun untuk menyatakan hasrat hati secara berlapis hatta ketika marah sekalipun. Jadi, penulis mendapati Almarhum TGNA memanfaatkan pantun yang bertemakan sindiran dalam ucapannya pada rangkap pantun yang ke-6.

Tebuk kayu dengan pahat
Kelek mangkuk pakai topi
Kata mahu keluar jihad
Nampak tersangkut di kedai kopi.

Sindiran ini tentu saja menggamatkan suasana di dalam stadium. Hal ini kerana situasi tersebut memang berlaku dalam masyarakat kita. Jadi, untuk menegur masyarakat yang leka dan lalai itu, Almarhum menggunakan medium pantun untuk menasihati masyarakat. Jadi, yang terkena sindiran itu, tidaklah terasa sangat, tetapi in sya-Allah boleh mengajak orang itu merenung dan berfikir kembali di mana salah dan silapnya. Masih ada masa untuk berubah. Pada rangkap pantun yang ke-9 dan juga ke-10 juga Almarhum TGNA masih menggunakan tema sindiran tetapi dalam mod berjenaka. Lihat bait-bait di bawah:

Manis sungguh dokong tuan
Malam resah pelita mati
Payah apa sokong bulan
Mungkin susah tapi tak mati.

Apa dirisau hantu jembalang
Quran dibaca berhari-hari
Tubuh besar janggut panjang
Bunyi wisel kenapa lari?

Unsur sindiran ini Almarhum lontarkan kepada audiens yang mungkin termakan cili, maka tentulah diri sendiri akan terasa pedasnya. Walaupun majlis tersebut bersifat rasmi, iaitu konsert nasyid, tetapi Almarhum tetap dengan perjuangan menegakkan syiar Islam dan Almarhum sempat menyelitkan ajakan untuk terus menyokong PAS selaku parti yang memerintah Kelantan. Pasti bait-bait pantun tersebut menggeletek hati audiens pada ketika itu.

Pantun bertemakan nasihat juga diselitkan oleh Almarhum TGNA. Sesuai sebagai ikon dakwah, nasihat-nasihat yang berunsurkan mengajak kepada kebaikan dan saling ingat-mengingati kepada audiens yang hadir sangat kena pada tempat dan ketikanya. Adakala sebagai manusia kita sering alpa dan lalai, baik dalam urusan kita dengan Allah mahupun muamalah sesama manusia. Pesanan yang ikhlas dari seorang pemimpin yang juga seorang dai'e mampu menusuk jauh ke dalam kalbu sesiapa sahaja yang mendengarnya meskipun dalam bentuk bait-bait pantun. Ada unsur hiburan, tetapi dalam masa yang sama mendidik ummah. Dalam kiraan penulis, ada enam rangkap pantun yang bertemakan nasihat. Diperturunkan bait-bait pantun tersebut:

Anak ayam turun lapan
Mati seekor tinggal tujuh
Harap berdoa kepada Tuhan
Supaya terang jalan bersuluh.

Tiang sehasta dibuat galah
Berpanjang lengan kait melati
Berjuang kita ke jalan Allah
Biar dengan sepenuh hati.

Dayung sambil pasir kemudi
Air deras di Ulu Tersat
Jangan diambil jalan Yahudi
Itu sah menuju sesat.

Ikan belanak ditutup saji
Saji dianyam oleh Pak Mahat
Orang khianat jangan dipuji
Makin dipuji makinlah jahat.

Burung punai burung kelicap
Hinggap berkawan di hujung dahan
Tiada guna lawa dan kacak
Jika melawan hukum Tuhan.

Rata lapang gunung Tahan
Bukit Rapat Bukit Cekati
Kita menumpang bumi Tuhan
Jangan dibuat sesuka hati.

Penulis amati, bait-bait pantun nasihat ini, mengandungi kata perintah permintaan, misalnya 'harap', dan kata perintah larangan misalnya, 'jangan'. Menurut Nik Safiah Karim et.al

(2013) dalam buku tatabahasa pegangan negara, iaitu Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, kata perintah ialah perkataan yang bertujuan menimbulkan sesuatu tindak balas terhadap perintah, arahan, larangan, silaan, atau permintaan. Contoh kata perintah ialah jangan, usah, sila, jemput, minta, tolong dan harap. Dalam pantun Almarhum TGNA ada memanfaatkan kata-kata perintah supaya nasihat yang ingin disampaikan dapat diterima dengan lapang dada oleh audiens.

Ada juga di antara bait-bait pantun Almarhum yang hampir dengan tema nasihat, iaitu pantun yang bertemakan agama. Ia agak mirip kelihatan, tetapi jika diteliti diksi secara menyeluruh pada maksud pantun, penulis mengkategorikan ia kepada pantun bertemakan agama. Misalnya, bait-bait ini:

Tanam halia tumbuh lengkuas
Semak daun si api-api
Apa guna kaya rasuah
Esok dipanggang di atas api.

Daun palas ikan kelah
Mari diikat dengan tali
Niat ikhlas kerana Allah
Syirik tidak sekali-kali.

Papan tualang mari diukir
Buat tongkat sikayu jati
Siang malam hidup berzikir
Kuat ibadat sebelum mati.

Mengapa penulis labelkan tiga rangkap pantun ini ke dalam pantun agama kerana penekanan Almarhum berkaitan perkara menjauhi perbuatan rasuah, syirik, gesaan kuat beribadat dan berzikir sebelum mati kerana ia ada sangkut-paut dengan hal-hal keimanan dan ketaqwaan kita kepada Allah. Dalam erti kata lain, diksi-diksi pantunnya khusus membicarakan hal-hal berkaitan keagamaan. Almarhum sedar, perkara-perkara mungkar tersebut berleluasa di dalam masyarakat. Jadi, sebagai da'ie, Almarhum rasa terpenggal untuk mengingatkan semua pihak tidak kira tua atau muda termasuk dirinya sendiri agar tidak terpengaruh dengan tipu daya syaitan sebaliknya sentiasa mengingati Allah dan takut akan azabNya yang tidak terperi di akhirat kelak.

Selain itu, pantun yang berunsurkan peribahasa juga diselitkan dalam pantun buatan Almarhum. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), peribahasa ialah ayat atau kelompok kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian yang tertentu, bidal, pepatah. Menurut Kamus Pelajar Bahasa Malaysia Edisi Kedua (2015) tentang pengertian peribahasa ialah bidalan, pepatah, ayat atau kelompok kata yang tetap susunannya dan mempunyai maksud tertentu. Untuk itu, penulis telah mengenalpasti pantun berciri peribahasa seperti berikut:

Hujung kota patik menanti
Orang Kaya Laksamana Bentan
Tuan berkata sesuka hati
Karamlah saya tujuh lautan.

Frasa *karamlah saya tujuh lautan* itu, adalah salah satu daripada bentuk peribahasa yang menggambarkan kesedihan dan kekecewaan yang dizahirkan oleh pemantunnya. Dari sudut pandang lain sebenarnya penulis berpandangan, Almarhum TGNA dilihat menyampaikan mesej berunsur dakwah kepada audiens di situ bahawa kita perlu menjaga akhlak dan pertuturan. Jika akhlak seseorang itu baik, maka, ia akan terpancar pada pertuturannya. Pertuturan yang baik terbit daripada hati yang bersih dan ikhlas. Jika pertuturan tersebut mengandungi ungkapan yang boleh menyakitkan hati, menghina dan menjatuhkan air muka serta aib seseorang, maka ia akan memberi kesan emosi yang sangat negatif kepada orang yang dilawan tuturnya itu. Maka, pada baris ke-3 maksud lantunan pantun oleh Almarhum TGNA itu, ingin memperlihatkan bahawa pertuturan yang buruk dan kurang enak didengar, perlulah dijauhi oleh semua orang. Hal ini kerana kesan buruk daripada akhlak seseorang itu dikiaskan pada pembayang maksud pantun pada baris ke-4, yang bertujuan untuk menegaskan lagi maksud yang didakwahkan oleh Almarhum TGNA.

Di samping itu, Zainal Abidin Ahmad atau lebih dikenali dengan singkatan nama Za'ba ada memberi definisi peribahasa dalam buku beliau yang bertajuk, *Ilmu Mengarang Melayu* (1965), iaitu peribahasa ialah satu susunan kata yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai sejak zaman silam yang mempunyai makna yang luas dan bijak serta sedap untuk didengari. Peribahasa juga adalah rangkaian perkataan yang disusun khas dan dipakai dengan erti yang khas dan berlainan daripada erti yang asalnya. Menurut Za'ba lagi peribahasa mempertingkatkan keindahan bahasa serta menggambarkan keikhlasan penerimanya. Za'ba juga mengatakan bahawa semua peribahasa berasal daripada bahasa kiasan. Menurut pandangan Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan (2010) tentang bahasa kiasan ini adalah bertujuan untuk memberikan misalan kepada sesuatu perkara yang lain dan maksud tersirat dalam peribahasa yang dikiaskan itu.

Bagaimanapun, menurut Mansor Embong pula, bahasa kiasan boleh juga disampaikan secara terang-terangan. Kiasan atau bunga bahasa secara ringkasnya ialah ungkapan yang menghuraikan sesuatu perkara dengan mengiaskan dengan perkara lain. Tujuannya adalah untuk menjelaskan dan menegaskan lagi sesuatu maksud yang cuba disampaikan. Di samping itu, kiasan juga bertujuan memaniskan kata ketika menyebut perkara yang tidak digemari oleh pendengar atau pembaca. Za'ba (1965) ada juga menyebut tentang jenis-jenis kiasan boleh dibahagi kepada kiasan sandar, kiasan terus, kiasan berangkap, kiasan berbunga, kiasan pemanis, kiasan melompat, tamsil, ibarat, kias ibarat dan tamsil ibarat. Dalam bait pantun yang dilantun oleh Almarhum TGNA ada menyelitkan kiasan terus. Sebagai contoh dalam perenggan ke-16 seperti berikut:

Terbang kuning di tengah malam
Hinggap masuk di tiang seri
Tangan kanan ajak bersalam
Apa maksud pisau di kiri.

Di samping itu, pantun kiasan asal ada dititipkan oleh Almarhum sebagai satu cara untuk mengingatkan kepada umat Islam supaya mengambil iktibar atas apa-apa isu yang berlaku di dalam negara yang melibatkan orang Melayu, yang merupakan tuan tanah. Misalnya yang tertera pada perenggan yang ke-18 dan ke-21.

Tuanku umpama emas segetus
Segak bertempat indah seorang
Hamba umpama selipar yang putus

Tiba bertempat dilupa orang

Gua Bama sungai hulu
Kuala Damak berbatu karang
Hamba umpama dagang lalu
Nasi ditanak milik orang.

Pantun kiasan asal yang berupa sindiran ini perlu dihayati kerana situasi yang dikatakan itu sudah berlaku di dalam negara kita tetapi kita tidak mengambil iktibar. Hal ini kerana banyak daripada tindakan orang Melayu telah dan bakal merugikan anak cucu dalam jangka masa panjang. Orang Melayu kerap menjadi mangsa kebaikan yang tidak kena pada tempatnya. Tujuan pantun ini dilontarkan oleh Almarhum TGNA supaya dapat menyedarkan orang Melayu agar sentiasa berwaspada, memerhati dan membaca gerak laku manusia asing di bumi Melayu ini. Sungguh mendalam sebenarnya titipan pesanan pantun Almarhum TGNA jika diamati dan diperhalusi secara sesungguhnya.

Di samping itu, jika diteliti maksud perumpamaan menurut kaca mata Ab. Rahman Ab. Rashid dan Yap Kim Fatt (2006) ialah peribahasa yang bermakna dua lapis, hasil daripada perbandingan antara dua perkara, iaitu menyatakan sesuatu maksud dengan membandingkannya dengan sesuatu perkara lain seumpama dengannya. Pun begitu, perumpamaan terbahagi kepada dua jenis, iaitu yang menyebut perbandingan yakni menggunakan kata-kata bandingan, contohnya, *seperti, bak, bagai, umpama, laksana, bagai, macam, ibarat* dan lain-lain, di samping tidak menyebut perbandingan. Bait-bait pantun tersebut juga dikenali sebagai pantun kiasan asal seperti yang disebutkan oleh Za'ba itu yang terakam pada perenggan yang ke-18 dan ke-21.

Terakhirnya, Almarhum TGNA berdakwah tetapi menggunakan mesej sindiran melalui pantun supaya umat Islam sedar bahawa dalam dunia akhir zaman ini kita tidak boleh lari dan lalai daripada menunaikan kewajipan kita terhadap Allah SWT, iaitu menunaikan solat lima waktu sehari semalam. Jika sakit disebabkan keuzuran fizikal sekalipun, masih ada cara untuk menunaikan solat mengikut tahap keuzuran dan kemampuan orang yang sakit. Di situ, letak rahmat dan kasih-sayang Allah pada manusia. Kebahagiaan dunia tidak akan berkekalan walaupun kita diulit oleh kemewahan, kebendaan mahupun beristeri cantik ala ratu dunia, tetapi kebahagiaan yang mutlak adalah kebahagiaan menuju Rabbul Izzati di kemudian hari. Maka, Almarhum TGNA mengingatkan audiens supaya jangan sesekali meninggalkan solat. Berhibur tidak mengapa, tetapi biarlah menurut landasan Islam dan tidak mengenenpikan solat apabila tiba waktunya, walaupun kita sesibuk mana sekalipun. Berikut ialah bait-bait pantun sindiran tersebut.

Jalan bengkok terkial-kial
Sambil mengupas limau langkap
Tengokkan songkok bagaikan kiyai
Kenapa membaca tergagap-gagap.

Apa guna berkain batik
Jika labuh berbayang-bayang
Apa guna beristeri cantik
Jika Subuh tidak sembahyang.

Jika diamati betul-betul, tentu sahaja bait-bait pantun tersebut memintal seribu makna dan memukau seribu rasa buat khalayak yang mendengarnya. Itulah keistimewaan Almarhum TGNA dalam berpantun.

Penutup

Setelah diperhalusi oleh penulis rangkap bait-bait pantun yang dibacakan pada perasmian Konsert Nasyid Antara Dunia pada malam tersebut, dapat disimpulkan bahawa Almarhum TGNA memanfaatkan seni warisan turun-temurun, iaitu pantun Melayu untuk menyampaikan mesej keagamaan khususnya, kepada audiens di Stadium Melawati, Shah Alam supaya terus berfikir mengenai diri, keluarga dan negara kita yang dicintai. Perkara ini ada dijelaskan dalam penutup ucapannya setelah menyampaikan dakwah melalui bait-bait pantun bikinannya. Almarhum TGNA juga ada menyebut dan mengingatkan kita dalam pantun tersebut bagaimana cara yang selayaknya kita sebagai hamba Allah supaya dapat menggapai kebahagiaan yang hakiki dan selamat terus-menerus dari azab Allah di akhirat kelak. Dalam erti kata mudah, dakwah akan benar, jika dibawa oleh pendakwah yang benar-benar faham dan mempunyai akhlak yang terpuji. Sesungguhnya Almarhum TGNA ialah ikon dakwah bagi seluruh umat Islam di bumi Nusantara ini. Semoga Allah SWT melimpahkan rahmat ke atas roh Almarhum TGNA dan ditempatkan bersama-sama roh para solehin dan anbiya.

Rujukan

- Ab. Rahman Ab. Rashid dan Yap Kim Fatt. 2006. *Siri Pengajian Tinggi - Bahasa Kebangsaan. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.*
- Abdul Razak Abdul Karim. 1994. *Rujukan Lengkap Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Shukur Haron & Annual Bakri Haron. 2009. *Kemilau Peribadi Nik Abdul Aziz Nik Mat*. Anbakri Publika Sdn. Bhd.
- Abdulah Hussain. 1995. *Kamus Istimewa – Peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. 1989. *Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Ding Choo Ming. 2009. Beberapa Sifat, Asal Usul dan Kepengarangan Peribahasa Melayu. *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation* 27(2) (2009): 3-26
- Goh Suzie. 1998. Penggunaan Peribahasa Melayu Pelajar Menengah. *Jurnal Dewan Bahasa*. Jilid 34(4). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hj. Mohd. Rashid Hj. Md. Idris. 2012. Nilai Kebijaksanaan Melayu Dalam Pantun Melayu. *‘Ulum Islamiyyah Journal*. Vol.9 (Disember) 2012:pp3-18
- http://en.wikipedia.org/wiki/File:Nik_Aziz_Kelantan.jpg/28 Mac 2015
- https://www.academia.edu/35860424/BAB_6_PERIBAHASA_BAHASA_MELAYU
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar Bahasa Malaysia Edisi Kedua. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Koh Boh Boon. 1982. Pengajaran Peribahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*. Jilid 26(3). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mansor Embong

- Mejar (B) Mohammad Qayyum bin A. Badarudin. 2015. *Keagungan Cinta Murobbi*. Nine Over Ten Dot Biz.
- Mohd. Aizat Mohd. Salleh Al-Hafiz. 2015. *Pemikiran Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat Dalam Kenangan*. PTS Publishing House Sdn. Bhd.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. 2010. Remaja Malaysia dan Peribahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*. Jilid 10 (edisi khas).
- Rashiqah Ilmi Abd Rahim. Warna Kehidupan: Peribahasa Melayu Ditelan Zaman. *Berita Harian*. 7 Julai, 2010.
- Riduan Mohamad Nor & C.N Aghani. 2010. *Memoir Tragedi Memali*. Jundi Resources.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, Abdul Hamid Mahmood. 2013. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat. 2014. *2 Jalan Dunia*. Kemilau Publika Sdn. Bhd.
- Wan Ji Wan Hussin & Saiful Amri M. Hussain. 2013. *Kezuhudan Umar Abdul Aziz Kesederhanaan Nik Abdul Aziz*. Kemilau Publika Sdn. Bhd.
- Za'ba. 1965. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za'ba. 1965. *Pelita Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.